

# Mara, UPM lahirkan bakal saintis, penyelidik

**KUALA LUMPUR 20 Ogos** - Program Nobel Laureates Outreach Camp (NLOC) anjuran Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dilihat dapat melahirkan bakal saintis dan penyelidik yang dapat bersaing di peringkat antarabangsa kelak.

Ketua Pengarah Mara, Datuk Ibrahim Ahmad berkata, melalui program empat hari bertemakan 'Saintis Hari Esok' itu, peserta telah disuntik dengan persepsi positif mengenai sains bagi menarik minat mereka untuk terus memilih bidang berkenaan pada masa depan.

Katanya, program melibatkan seramai 150 pelajar tingkatan empat dari 42 Maktab Rendah Sains Mara seluruh negara tersebut

telah didedahkan dengan konsep pembelajaran secara langsung atau *hands on* bagi memberikan pengalaman unik peserta dalam bidang sains.

"Pihak Mara melalui Bahagian Pendidikan Menengah amat menghargai usahasama ini sebagai batu loncatan bagi Mara mengorak langkah dalam memenuhi Falsafah Pendidikan Mara iaitu usaha berterusan berteras ilmu, teknologi dan nilai keusahawanan untuk membangunkan insan holistik dan seimbang.

"Selaras dengan itu, program ini akan melahirkan bakal saintis dan penyelidik yang mempunyai kemahiran manipulatif cemerlang, sekali gus menajamkan kemahiran insaniah dalam diri mereka," katan-

ya pada Majlis Penutupan NLOC di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Presiden (Akademik dan Teknologi) Universiti Kuala Lumpur, Prof. Dr. Azanam Shah Hashim.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Jaringan, Industri dan Masyarakat) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Ir. Regunath Varatharajoo.

Program yang mula dilaksanakan pada 2012 itu dijalankan dengan kerjasama beberapa fakulti UPM termasuk Fakulti Perhutanan, Fakulti Pertanian dan Fakulti Alam Sekitar.

Sejak diwujudkan tiga tahun lalu, seramai 452 pelajar telah menyertai program berkenaan.